

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JHI 121 - Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

...2/-

1. Firman Allah yang bermaksud: "Katakan: tidak akan menimpa kita, melainkan apa yang telah ditentukan Allah untuk kita". (Surah Al-Taubah ayat 51). Huraikan bagaimanakah kita hendak menyesuaikan di antara kebebasan iradat (kehendak) manusia dengan qada' dan qadar Allah, dengan memberikan dalil-dalilnya sekali.

(25 markah)

2. Al-Quran adalah sumber hukum yang utama bagi Dien Islam. Terangkan perkara-perkara yang berikut berkenaan dengan Al-Quran:
 - (a) Hikmat Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur

(8 markah)
 - (b) Kesahihan Al-Quran

(9 markah)
 - (c) Kandungan Al-Quran

(8 markah)

3. Islam adalah agama yang berasaskan tauhid dan ibadah. Terangkan erti tauhid, syirik dan ubudiah; berikan lima contoh yang menyebabkan syirik, dan juga lima contoh kegiatan hidup yang dianggap sebahagian daripada ibadat.

(25 markah)

4. Buat nota ringkas berkenaan perkara-perkara berikut:
 - (a) Ijtihad, cara-cara berijtihad dan pembahagiannya.

(6 markah)
 - (b) Taqlied, sejarah taqlied dan jenis orang-orang yang dikehendaki bertaqlied.

(7 markah)
 - (c) Erti mufti, sifat-sifat mufti dan kewajipan-kewajipan para mufti.

(7 markah)
 - (d) Erti nasikh dan mansukh.

(5 markah)

... 3/-

5. Islam telah menetapkan batas-batas yang tertentu di dalam hubungan di antara lelaki dan perempuan. Berdasarkan batasan-batasan ini, tuliskan nota ringkas berkenaan dengan perkara-perkara berikut:
- (a) Aurat wanita. (8 markah)
 - (b) Perkahwinan di dalam Islam. (9 markah)
 - (c) Jagaan anak dan pembahagian pusaka. (8 markah)
6. Berdasarkan sebab dan hikmah Allah mengharamkan riba, berikan pendapat anda tentang hukum mengambil pinjaman kerajaan daripada institusi-institusi kewangan untuk membeli rumah. (25 markah)

oooOooo

